

22/11/1999

Pembangkok ibarat minyak dengan air

Misiah Taib

KUCHING, Ahad - Pakatan pembangkang di Sarawak hanya ibarat `minyak dengan air' yang pada hakikatnya tidak boleh dicampurkan atau tidak bersatu, kata Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud.

Pengerusi BN negeri itu berkata, seperti yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pasukan yang dibentuk pembangkang hanyalah barisan alternatif pada namanya saja.

Hakikatnya tambah beliau, perpaduan sebenar tidak wujud di kalangan barisan pembangkang di negeri ini.

"Mereka macam minyak dengan air. Susah nak bercampur. Nampak sahaja mereka mewujudkan pakatan, tetapi bertanding menentang sesama sendiri.

"Ada pemimpin Keadilan (Parti Keadilan Nasional) sendiri sanggup bertanding atas tiket bebas untuk menentang calon DAP. Mereka berlawan sesama sendiri.

"Kalau tak ada perpaduan yang baik di kalangan mereka, tak ada harapanlah mereka nak memerintah baik di peringkat Pusat, mahu pun peringkat negeri. Mereka hanya berangan-angan kosong saja," katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu ditemui pemberita selepas Upacara Pecah Tanah Tapak Pusat Penjaja dan Pasar Serta Majlis Penyampaian Bantuan Kewangan Kepada Usahawan Kecil Bahagian Kuching dan Kota Samarahan di Taman Sukma, Jalan Sultan Tengah, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah isteri beliau, Puan Sri Laila Taib; Menteri Pertanian yang juga calon BN bagi kerusi Parlimen Petra Jaya, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud; Menteri Pembangunan Perindustrian, Datuk Abang Johari Abang Openg; Menteri Muda di Pejabat Ketua Menteri, Bolhassan Di dan calon BN bagi kerusi Parlimen Santubong, Rohani Karim.

Dalam ucapannya sebelum itu, Taib meminta pengundi di kawasan Parlimen Petra Jaya agar tidak terpengaruh dengan taktik pembangkang yang cuba memburuk-burukkan pelbagai program pembangunan kerajaan, serta peribadi calon BN yang bertanding di kawasan itu.

"Mereka (pembangkang) sengaja menghasut rakyat agar menentang program pembangunan yang dirancang kerajaan BN. Ini kerana mereka iri hati dan tidak mahu melihat pembangunan berlaku.

"Jika Sarawak bertambah maju, mereka takut akan ketandusan `modal' untuk berkempen menghentam kerajaan," katanya.

Beliau turut menasihati penduduk di negeri ini agar merebut segala peluang yang disediakan kerajaan ke arah meningkatkan taraf hidup mereka, selain bijak mencari ruang baru untuk terus maju.

(END)